



NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 63**

**29hb April 2010**

**No. 9**

---

---

**No. 1189.**

ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY  
ENACTMENT 1999

PEMBERITAHUAN ZON PERLINDUNGAN (KAWASAN YANG  
DIISYTIHARKAN DAN SEKATAN) 2010

ZONE OF PROTECTION (DECLARED AREA AND  
RESTRICTION) NOTIFICATION 2010

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 48(3) Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 [*Sel. En. No. 2/1999*], Pihak Berkuasa Negeri membuat pemberitahuan seperti yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Pemberitahuan ini bolehlah dinamakan Pemberitahuan Zon Perlindungan (Kawasan Yang Diisytiharkan dan Sekatan) 2010 dan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Kawasan yang diisytiharkan

2. Pihak Berkuasa Negeri mengisytiharkan kawasan yang dinyatakan dalam Jadual sebagai suatu zon perlindungan.

Tujuan zon perlindungan

3. Zon perlindungan ditubuhkan bertujuan melindungi sebahagian kawasan tanah perairan, rizab sungai dan kawasan pantai yang sensitif pada alam sekitar di dalam Mukim Kapar, Daerah Klang, Negeri Selangor.

Sekatan dalam zon perlindungan

4. (1) Sekatan dalam zon perlindungan adalah seperti berikut:

- (a) Perbatasan ke atas peletakan atau pembinaan mana-mana struktur atau pelaksanaan apa-apa kerja;
- (b) Perbatasan ke atas penggunaan atau penyimpanan apa-apa bahan kimia, termasuklah racun makhluk perosak atau baja;
- (c) Perbatasan ke atas perubahan kontur tanah yang sedia ada termasuk mana-mana penggredan dan pembinaan jalan raya;
- (d) Perbatasan ke atas pembersihan atau penuaian sayuran, termasuk penebangan pokok, pembuangan pertumbuhan riparian atau pengaliran tanah perairan; dan
- (e) Perbatasan ke atas pembuangan apa-apa kumbah atau bahan buangan.

(2) Mana-mana orang, sebelum melakukan apa-apa aktiviti atau kerja di dalam zon perlindungan yang bertentangan dengan sekatan yang ditetapkan, hendaklah memperoleh kebenaran bertulis daripada Pengarah Lembaga Urus air Selangor.

#### JADUAL

#### KAWASAN ZON PERLINDUNGAN

Sebahagian kawasan tanah perairan, rizab sungai dan kawasan pantai di dalam Mukim Kapar, Daerah Klang, Negeri Selangor seperti yang tandakan dengan garisan tebal di dalam Peta No. P.W. 1551 yang disimpan di pejabat Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Selangor.

Dibuat 8 April 2010

[LUAS. Sel. 1008/5/2 Jld. 2; PU. Sel. MESY. 0101/E]

MOHAMAD YASID BIN BIDIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Selangor*

In the exercise of powers conferred by section 48(3) of the Selangor Waters Management Authority Enactment 1999 [*Sel. En. No. 2/1999*], the State Authority makes the following notification—

Name and date of coming into force

1. This notification may be cited as the Zone of Protection (Declared Area and Restriction) Notification 2010 and shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

Declared Area

2. The State Authority declares that the area described in the Schedule as a zone of protection.

Purpose of zone of protection

3. The purpose of the establishment of the zone of protection is to protect part of wetland area, river reserve and environmentally sensitive coastal area at Mukim Kapar, District of Klang, Selangor.

Restrictions within zone of protection

4. (1) Restrictions within the zone of protection as follows:

- (a) Restriction upon the sitting or erection of any structures or the carrying out of any works;
- (b) Restriction upon the application or storage of any chemical, including pesticide or fertilizer;
- (c) Restriction upon the alteration of existing land contours, including any grading or the construction of roads;
- (d) Restriction upon the clearing or harvesting of vegetation, including the felling of any trees, the removal of riparian growth or draining of wetlands, and
- (e) Restriction upon the discharge of any effluent or waste.

(2) Any person before doing any activity or work in the zone of protection which is contrary to the specified restrictions shall obtain Written Approval from the Director of Selangor Waters Management Authority.

SCHEDULE

AREA OF ZONE OF PROTECTION

Part of wetland area, river reserve and coastal area in Mukim Kapar, District of Klang, State of Selangor as marked by thick line in Map No. P.W. 1551 as deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Selangor.

Made 8 April 2010

[LUAS. Sel. 1008/5/2 Jld. 2; PU. Sel. MESY. 0101/E]

MOHAMAD YASID BIN BIDIN

*Clerk*

*State Executive Council*

*Selangor*